

UNTUK SIARAN SEGERA

Hubungi: Lorenzo Montanari

October 16<sup>th</sup>, 2023

Email: [lmontanari@tholosfoundation.org](mailto:lmontanari@tholosfoundation.org)


## KERTAS PUTIH TERKINI MENUNJUKKAN ALTERNATIF NIKOTIN YANG KURANG MEMUDARATKAN MEMBAWA KEPADA PENGURANGAN KETARA KADAR MEROKOK

Yayasan Tholos di **Washington DC.**, dengan kerjasama Institut Perikatan Pasifik yang berpangkalan di Jepun dan Penasihat Strategi Scantech yang berpangkalan di Sweden, hari ini mengeluarkan kertas dasar, *Safer Nicotine Works*, tentang cara **Sweden dan Jepun** berjaya mengurangkan kadar merokok dengan memperkenalkan **produk nikotin alternatif yang kurang memudaratkan**.


*Safer Nicotine Works* meneroka kesan nikotin oral dan produk tembakau yang dipanaskan terhadap kelaziman merokok di negara seperti Sweden dan Jepun, di mana kadar merokok pernah mencecah setinggi 84% dalam kalangan lelaki. Kertas ini bertindak sebagai kesinambungan kepada kertas kerja terdahulu [Vaping Works](#),

yang mengkaji pengalaman empat negara inovatif dan mendapati bahawa negara yang menerima vape (United Kingdom, Perancis, Kanada, dan New Zealand) telah menyaksikan penurunan kelaziman merokok dua kali lebih cepat daripada purata global.

Penemuan baharu ini di **Jepun** juga agak menarik dengan menunjukkan pengenalan produk tembakau yang dipanaskan telah menyebabkan kadar merokok di kalangan lelaki menurun di bawah 30% buat kali pertama dan membalikkan keputusan mendatar dalam memerangi merokok.



Di Sweden, negara ini berada di landasan yang betul untuk secara rasminya menjadi 'bebas asap rokok' dalam tahun ini, dengan kadar merokok semasa berada melebihi tahap bebas asap rokok pada 5.6%<sup>[1]</sup>. Pengurangan dalam kadar merokok baru-baru ini disebabkan oleh peningkatan pek nikotin, yang diperkenalkan pada 2019.



Paling ketara, penyelidikan Yayasan Tholos mendapati bahawa peralihan kepada alternatif yang kurang memudaratkan di kedua-dua negara, didorong oleh pengguna sendiri. Perkara paling penting yang boleh dilakukan oleh pembuat dasar ialah memastikan alternatif yang kurang memudaratkan merupakan alternatif yang tersedia dan berdaya maju. Adalah jelas dan disokong oleh data yang banyak bahawa nikotin yang kurang memudaratkan memainkan peranan utama dalam proses berhenti merokok. Kami perhatikan, bahawa dengan produk nikotin yang kurang memudaratkan seperti vape, produk tembakau yang dipanaskan, pek nikotin dan snus, kadar merokok berkurang beberapa kali lebih cepat.

Mengulas mengenai penemuan itu, Naib Presiden Yayasan Tholos, Lorenzo Montanari berkata:

*Nikotin yang kurang memudaratkan secara dasarnya, menyelamatkan nyawa di seluruh dunia. Pengalaman Sweden dan Jepun, seperti di UK, Kanada, New Zealand dan Perancis, membuktikan bahawa apabila orang ramai mempunyai akses kepada produk yang kurang memudaratkan, pengguna memilihnya dalam jumlah yang besar. Kami kini mempunyai kaedah yang kami perlukan untuk memerangi kadar merokok tinggi yang*

<sup>[1]</sup> [Adult use of tobacco and nicotine products — Public Health Agency of Sweden \(folkhalsomyndigheten.se\)](https://www.folkhalsomyndigheten.se)

*berbahaya: kerajaan di seluruh dunia kini mesti menyokong rakyat mereka untuk membuat pilihan yang lebih baik.*

Kejayaan Sweden dan Jepun dalam mengurangkan kadar merokok menunjukkan keberkesanan penggunaan pendekatan komprehensif terhadap kawalan tembakau. Kedua-dua negara telah melaksanakan langkah kawal selia untuk mengawal penggunaan produk nikotin alternatif sambil memastikan kesihatan dan keselamatan awam terjaga. Sweden dan Jepun telah menawarkan pandangan berharga untuk negara lain yang ingin mengurangkan kelaziman merokok dan mempromosikan alternatif bebas asap rokok. Dengan membolehkan akses kepada produk nikotin alternatif yang kurang memudaratkan dan melaksanakan peraturan yang sesuai, negara boleh meningkatkan kadar kesihatan awam dengan ketara dan menangani kesan mudarat daripada merokok.

Pautan penuh kepada laporan boleh didapati di sini [\[insert link for the research\]](#)

TAMAT

### **Nota kepada pengarang.**

*Yayasan Tholos ialah sebuah yayasan pendidikan 501(c)3 yang pada asalnya diasaskan pada tahun 1985 atas permintaan Presiden Reagan. Pada peringkat penyelidikan, Yayasan Tholos menjalankan penyelidikan dan pendidikan mengenai dasar awam yang berkesan dengan penekanan khusus pada cukai, perbelanjaan, peraturan, inovasi, kebebasan pengguna dan hak harta. <https://tholosfoundation.org/>*


### **Mengenai barisan Penulis.**

#### ***Yuya Watase***

*Encik Watase ialah Pengerusi Institut Perikatan Pasifik sebuah badan pemikir yang berpangkalan di Tokyo, Jepun. Beliau ialah felo penyelidik di Institut Penyelidikan Dasar Awam, Universiti Waseda. Beliau adalah pakar dalam dasar awam yang berkaitan dengan kajian pengurusan awam dan memberikan cadangan dasar kepada ahli parlimen, gabenor dan penggubal undang-undang tempatan. Beliau juga mengasaskan dan menjual syarikat IT perubatan kepada syarikat tersenarai awam dan sejak itu terlibat dalam aktiviti perundingan untuk institusi kewangan dan syarikat perniagaan. Beliau terkenal kerana telah dijemput untuk berkhidmat sebagai penasihat kepada bekas Perdana Menteri Suga di kediaman rasminya semasa Suga memegang jawatan. Pencapaian beliau dalam bidang Pengurangan Kemudaratatan termasuk menghadiri persidangan antarabangsa (diadakan di Taiwan dan Malaysia) di mana pakar dari pelbagai negara Asia berkumpul. Beliau juga berkhidmat sebagai pemikir dasar untuk ahli parlimen Jepun dan mengarang kertas dasar mengenai pengurangan kemudaratatan tembakau. Hasilnya, ahli parlimen Jepun secara positif membentang pengurangan kemudaratatan tembakau di parlimen. Beliau kini sedang menulis artikel mengenai pengurangan kemudaratatan tembakau untuk Newsweek, Presiden, Diamond, dan majalah perniagaan terkemuka yang lain.*

#### ***Anders Ydstedt***

*Anders Ydstedt adalah Pengerusi Perunding Strategi Scantech. Beliau juga seorang usahawan, pengarang, dan pengerusi Svensk Tidskrift, jurnal mingguan politik, ekonomi, dan budaya, yang diasaskan pada tahun 1911. Ydstedt sebelum ini telah menulis buku tentang percukaian, kepentingan mobiliti bebas, kepentingan pemilikan swasta, dan baru-baru ini tentang betapa tinggi cukai Sweden menyingkirkan cukai warisan (2015).*



722 12<sup>TH</sup> STREET NW  
4<sup>TH</sup> FLOOR  
WASHINGTON, D.C. 20005  
[www.tholosfoundation.org](http://www.tholosfoundation.org)

**Kalle Bäck**

*Kalle Bäck bertugas sebagai perunding dalam Hal Ehwat Awam dan penyelidik di Perunding Strategi Scantech. Beliau sebelum ini aktif sebagai setiausaha politik. Encik Bäck ialah seorang guru yang berpendidikan dalam Sivik dan Sejarah dengan ijazah sarjana dalam sejarah.*